

KECENDERUNGAN GURU MEMILIH JENIS PENTAKSIRAN BILIK DARJAH: SATU KAJIAN DI SEKOLAH RENDAH BATU PAHAT

RASIDAYANTY BINTI SAION¹, SITI AMINAH BINTI KUSIN, NORLIA BINTI HARUN
IPG Kampus Tun Hussein Onn
rasidayanty@iptho.edu.my

ABSTRAK

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang memfokuskan kepada aktiviti yang berpusatkan murid perlu dijalankan secara formatif dan sumatif. Terdapat tiga jenis pelaksanaan PBD iaitu: pentaksiran untuk pembelajaran (assessment for learning), pentaksiran sebagai pembelajaran (assessment as learning) dan pentaksiran tentang pembelajaran (assessment of learning). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kecenderungan guru-guru dalam memilih jenis PBD yang paling dominan. Kajian berbentuk tinjauan deskriptif yang melibatkan data kuantitatif menggunakan borang soal selidik yang diedar secara atas talian melalui aplikasi Google Form sebagai instrumen kajian. Kajian ini menggunakan Inventori Pendekatan Pentaksiran Bilik Darjah yang telah didaptasi daripada instrumen Approaches to Class Assessment Inventory (ACAI). Berdasarkan soal selidik tersebut, guru memilih respon bagi setiap empat senario diberi yang menggambarkan jenis pentaksiran guru tersebut. Responden kajian terdiri daripada 70 orang guru yang mengajar di sekolah rendah dalam daerah Batu Pahat, Johor. Hasil analisis menunjukkan guru cenderung menggunakan pendekatan pentaksiran untuk pembelajaran yang mencatat peratus tertinggi bagi setiap senario yang dikaji iaitu 64.3% bagi senario 1, 61.4% untuk senario 2, 65.7% bagi senario 3 dan senario 4 mencatat nilai 45.7%. Ini bermakna tujuan pelaksanaan PBD difahami oleh guru-guru di mana pentaksiran untuk pembelajaran dan sebagai pembelajaran yang perlu dilaksanakan secara berterusan disamping pentaksiran tentang pembelajaran yang dijalankan pada akhir sesuatu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran.

Kata kunci: Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran untuk pembelajaran, Pentaksiran sebagai pembelajaran, Pentaksiran tentang pembelajaran

1.0 PENGENALAN

Peredaran masa dan perkembangan dalam teknologi pendidikan dan juga pekerjaan menuntut pentaksiran yang lebih sistematik serta dapat mengukur pencapaian dan perkembangan sebenar murid secara holistik. Pentaksiran yang dijalankan di sekolah dan bilik darjah bertujuan untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan murid secara berterusan. Isu-isu pembaharuan dalam pentaksiran dipengaruhi oleh perubahan dalam matlamat pendidikan. Pentaksiran alternatif yang diperkenalkan telah menjadi satu kaedah penilaian yang semakin mempengaruhi dunia pendidikan pada masa kini. Pentaksiran tradisional yang menggunakan pensel dan kertas semata-mata telah dirasakan semakin tidak sesuai dengan arus transformasi dalam pendidikan. Bennet (2018), dalam kajiannya menekankan perlunya perubahan dalam pendekatan pentaksiran tradisional kepada yang lebih berpusatkan murid dan berasaskan teknologi untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Perubahan sistem pendidikan memerlukan guru mereformasikan diri ke arah pandangan, sikap dan daya usaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran profesional keguruan yang canggih, khasnya pentaksiran menggunakan pelbagai pendekatan, strategi dan kaedah demi meningkatkan keupayaan dan prestasinya dalam bidang kerjaya yang kian mencabar. Menurut Ng (2022), pentaksiran perlu direka semula untuk memenuhi keperluan pembelajaran masa depan, dengan penekanan pada penilaian berasaskan kompetensi dan penggunaan teknologi.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Guru menghadapi pelbagai cabaran dalam memilih jenis pentaksiran yang sesuai untuk bilik darjah mereka. Kekurangan pemahaman tentang konsep pentaksiran, beban kerja yang tinggi, kekurangan sumber dan alat, serta kurangnya latihan yang mencukupi adalah antara masalah utama. Kajian terkini menunjukkan keperluan untuk latihan dan pembangunan profesional yang lebih baik serta sokongan yang lebih kuat dari pihak pentadbiran untuk membantu guru dalam mengintegrasikan pelbagai jenis pentaksiran dengan berkesan. Kajian DeLuca (2019) mendapati guru sering kali keliru tentang perbezaan antara pentaksiran untuk pembelajaran, pentaksiran sebagai pembelajaran, dan pentaksiran tentang pembelajaran. Kekeliruan ini menyebabkan kesukaran dalam pemilihan dan pelaksanaan jenis pentaksiran yang sesuai. Kajian ini juga mendapati terdapat ketidaksamaan yang ketara antara latihan yang diterima oleh guru dalam program persediaan mereka dan amalan pentaksiran yang dilaksanakan di bilik darjah. Banyak guru merasa bahawa latihan mereka tidak cukup mempersiapkan mereka untuk pelbagai jenis pentaksiran yang diperlukan dalam pengajaran sebenar.

Berdasarkan kajian Looney (2018), kebanyakan guru menghadapi kekeliruan tentang perbezaan antara pentaksiran formatif dan sumatif. Kekeliruan ini boleh mengakibatkan ketidakpastian dalam pemilihan dan pelaksanaan jenis pentaksiran yang paling sesuai untuk situasi pengajaran tertentu. Dapatan ini selari dengan kajian Harrison dan Killion (2018) yang mendapati guru menghadapi cabaran dalam memahami perbezaan antara pelbagai jenis pentaksiran dan bagaimana mengintegrasikannya secara berkesan dalam pengajaran mereka. Kekurangan latihan khusus mengenai pentaksiran dan beban kerja yang tinggi menyukarkan guru untuk melaksanakan pentaksiran yang berkesan. Guru menghadapi pelbagai cabaran dalam memahami dan melaksanakan pelbagai jenis pentaksiran, yang memerlukan sokongan dan pembangunan profesional yang berterusan. Latihan khusus, sokongan sistemik, dan penggunaan teknologi adalah penting untuk membantu guru meningkatkan kecekapan mereka dalam pentaksiran dan menyokong pembelajaran pelajar dengan lebih berkesan.

3.0 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis PBD yang paling dominan dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di Batu Pahat, Johor. Terdapat tiga jenis pelaksanaan PBD iaitu pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*), pentaksiran sebagai pembelajaran (*assessment as learning*) dan pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*).

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis PBD yang paling dominan dalam kalangan guru sekolah rendah di Batu Pahat, Johor.

5.0 TINJAUAN LITERATUR

Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) di peringkat sekolah merupakan satu bentuk pentaksiran berterusan yang bertujuan memberi peluang kepada guru dalam usaha memperolehi maklumat mengenai tahap perkembangan serta kemajuan murid terhadap penguasaan isi kandungan pelajaran semasa proses pengajaran oleh guru dalam bilik darjah.

PBD telah diperkenalkan oleh mantan Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berusaha Dr. Maszlee Malik pada tahun 2019. Matlamat PBD adalah untuk mengurangkan bebanan peperiksaan dalam usia awal persekolahan, mewujudkan budaya pembelajaran yang menyeronokkan, membantu guru untuk mengukur perkembangan pembelajaran murid secara holistik dan mewujudkan peluang pembelajaran yang sama rata untuk semua murid (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2019).

Pentaksiran Sekolah telah dikenali sebagai Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mulai hujung tahun 2016. PBD mengekalkan semua konsep Pentaksiran Sekolah dan melibatkan penentuan tahap penguasaan murid dalam setiap mata pelajaran. Tahap penguasaan ini dinyatakan dalam Standard Prestasi seperti terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) semua mata pelajaran di bawah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Kelas Peralihan (KSPK) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Selain daripada Standard Prestasi, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran juga dirujuk dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah.

PBD merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. Pentaksiran ini berlaku secara formatif dan sumatif; sebagai pembelajaran, untuk pembelajaran dan tentang pembelajaran. PBD ialah pentaksiran yang berlaku secara berterusan sepanjang PdP, bagi semua mata pelajaran. PBD bukanlah untuk membandingkan tahap penguasaan antara seorang murid dengan murid yang lain, tetapi ia bertujuan untuk melihat perkembangan kemajuan murid dalam pembelajaran di samping membantu guru menambah baik pengajaran mereka (KPM, 2019). Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 2023 memaklumkan berkenaan Pengerjaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mulai sesi akademik 2022/2023. Justeru semua guru perlu melengkapkan pengetahuan dan kemahiran dalam pentaksiran. Komponen PBS terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (Psi).

Berdasarkan KPM (2019), PBD bertujuan menambah baik pembelajaran murid melalui pentaksiran formatif, iaitu Pentaksiran Untuk Pembelajaran (Assessment For Learning) dan Pentaksiran Sebagai Pembelajaran (Assessment As Learning). Namun begitu PBD juga boleh berlaku untuk melihat pencapaian atau penguasaan murid selepas sesuatu tempoh yang bersesuaian, melalui pentaksiran sumatif. PBD membolehkan murid, guru, ibu bapa, dan pihak sekolah mengetahui kualiti pembelajaran murid. Pentaksiran ini dilihat sebagai Pentaksiran Tentang Pembelajaran (Assessment Of Learning). PBD melibatkan Pentaksiran Untuk Pembelajaran, Pentaksiran Sebagai Pembelajaran dan Pentaksiran Tentang Pembelajaran seperti berikut:

i. Pentaksiran Untuk Pembelajaran

Pentaksiran untuk pembelajaran juga dirujuk sebagai pentaksiran formatif. Pentaksiran untuk pembelajaran merupakan sebahagian daripada proses PdP. Maklumat yang diperoleh daripada pentaksiran ini boleh digunakan untuk merancang strategi atau langkah seterusnya dalam pengajaran ke arah meningkatkan pembelajaran murid dan tahap penguasaan mereka. Berdasarkan tujuan ini, pentaksiran ini juga dikenali sebagai pentaksiran diagnostik.

ii. Pentaksiran Sebagai Pembelajaran

Pentaksiran sebagai pembelajaran berlaku apabila murid membuat refleksi dan menilai perkembangan pembelajaran masing-masing. Ini membolehkan mereka memahami tujuan mereka belajar dan menyedari apa yang mereka patut lakukan bagi menguasai sesuatu objektif pembelajaran. Pentaksiran sebagai pembelajaran terdiri daripada pentaksiran sendiri dan

pentaksiran rakan sebaya. Maklumat dari pentaksiran ini memberi petunjuk kepada murid tentang tahap penguasaan mereka dalam pembelajaran.

iii. Pentaksiran Tentang Pembelajaran

Pentaksiran tentang pembelajaran berlaku pada akhir sesuatu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran. Lazimnya pentaksiran tersebut berlaku dalam bentuk ujian sumatif. Pentaksiran tentang pembelajaran juga boleh berlaku dalam bentuk pembentangan hasil projek. Maklumat dan data yang diperoleh dari ujian sumatif atau pentaksiran tentang pembelajaran ini seharusnya ditangani secara positif dalam proses pembelajaran murid.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Data kuantitatif dikumpul dengan menggunakan soal selidik atas talian melalui aplikasi *Google Form*. Responden kajian ini adalah terdiri daripada 70 orang guru yang mengajar di sekolah rendah daerah Batu Pahat, Johor yang dipilih secara rawak. Kajian ini menggunakan Inventori Pendekatan Pentaksiran Bilik Darjah (Salleh et al., 2019) seperti Jadual 1.1 yang telah didaptasi daripada instrumen *Approaches to Class Assessment Inventory* (ACAI; DeLuca et al. 2016) yang mengandungi empat senario pentaksiran. Berdasarkan kajian Said et al. (2019), Instrumen Pendekatan Pentaksiran Bilik Darjah mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi untuk digunakan dalam pengukuran literasi pentaksiran bilik darjah. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini dianalisis menggunakan Model Pengukuran Rasch dibantu oleh perisian Winstep 3.71.0.1. Analisis kebolehpercayaan item dibuat menerusi pemeriksaan kefungsiian item dari aspek kebolehpercayaan dan indeks pengasingan item-individu. Hasil analisis polariti item mendapati semua item mempunyai nilai *Point Measure Correlation* (PMC) yang positif di antara 0.33 hingga 0.77. Dari sudut kebolehpercayaan pula, analisis Rasch menunjukkan nilai kebolehpercayaan individu adalah 0.92, nilai kebolehpercayaan item adalah 0.89, nilai pengasingan individu adalah 3.51 dan indeks pengasingan item adalah 2.82. Dapatan ini membuktikan bahawa instrumen ini mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi untuk digunakan dalam pengukuran literasi pentaksiran bilik darjah. Data kajian dianalisis secara deskriptif dalam bentuk bilangan dan peratus menggunakan perisian MS Excel.

Jadual 1.1 Inventori Pendekatan Pentaksiran Bilik Darjah

Senario	Pendekatan Pentaksiran	Pilihan Respon
Senario 1: Anda menyediakan set ujian yang berbeza mengikut tahap pencapaian murid. Walau bagaimanapun, 16 daripada 35 murid gagal dalam ujian tersebut. Apakah yang akan anda lakukan?	Pentaksiran tentang pembelajaran	Merekodkan gred ujian tersebut sebagai pentaksiran sumatif bagi unit tersebut tetapi menurunkan wajaran ujian tersebut dalam markah keseluruhan.
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Berdasarkan analisis anda terhadap ujian tersebut, anda akan mengajar semula tajuk yang sukar dikuasai oleh murid, beri peluang kepada murid untuk mengaplikasikan pembelajaran mereka, dan menguji semula tajuk tersebut.
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Minta murid untuk membuat refleksi tentang persediaan untuk menduduki ujian, menganalisis jawapan ujian murid dan

		membuat pelan pembelajaran individu kepada murid tersebut. Kemudian, uji semula topik tersebut.
Senario 2: Anda mendapati seorang murid anda melakukan plagiat atau meniru semasa melaksanakan tugas (contohnya karangan). Apakah yang akan anda lakukan?	Pentaksiran tentang pembelajaran	Melaksanakan peraturan sekolah berkaitan plagiat atau peniruan.
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Menunjukkan bahagian yang di plagiat kepada murid dan meminta mereka menulis semula dengan menggunakan perkataan sendiri. Sebagai guru, anda membuat refleksi tentang kaedah pengajaran yang anda perlu laksanakan pada masa hadapan.
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Anda bertanya murid tentang bagaimana dia memperolehi teks tersebut dan apakah yang murid tersebut akan lakukan agar tidak mengulangi kejadian itu. Minta murid menulis perancangan mereka untuk membuat semula tugas tersebut.
Senario 3: Anda sedang membuat rancangan pengajaran harian bagi satu topik. Bagaimana pentaksiran membentuk perancangan anda?	Pentaksiran tentang pembelajaran	Mulakan dengan pentaksiran sumatif di akhir pengajaran dan merancang secara <i>backward</i> untuk membina rancangan pengajaran.
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Mereka bentuk pentaksiran formatif yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Gunakan maklumat daripada pentaksiran ini untuk mereka bentuk aktiviti pengajaran dan tugas pentaksiran sumatif.
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Mengkaji semula standard prestasi dalam dokumen kurikulum dan meminta setiap pelajar untuk membina pengalaman pembelajaran dan pentaksiran mereka bagi topik tersebut secara individu.
Senario 4: Waris beberapa orang murid amat bimbang tentang peperiksaan akhir tahun. Apakah yang anda akan beritahu kepada waris tersebut?	Pentaksiran tentang pembelajaran	Ujian setara penting bagi mengukur sejauh mana sistem persekolahan berkesan bagi semua murid dan keputusan tersebut membolehkan pihak sekolah menentukan penambahbaikan yang perlu diberi kepada kelas tersebut.
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Ujian setara dapat memberi maklum balas tentang pembelajaran berdasarkan standard pembelajaran dan dapat membimbing pengajaran dan pembelajaran.
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Ujian setara dapat memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan strategi pembelajaran, kemahiran persediaan untuk menghadapi ujian dan matlamat pembelajaran mereka.

7.0 DAPATAN KAJIAN

Data yang diperoleh daripada soal selidik yang diedar secara atas talian melalui aplikasi *Google Form* dianalisis secara deskriptif untuk menjawab persoalan kajian. Hasil analisis data kajian ini adalah seperti Jadual 1.2 berikut.

Jadual 1.2 Analisis Deskriptif Pendekatan PBD

Senario	Pendekatan Pentaksiran	Pilihan Respon	Bilangan	Peratus (%)
Senario 1: Anda menyediakan set ujian yang berbeza mengikut tahap pencapaian murid. Walau bagaimanapun, 16 daripada 35 murid gagal dalam ujian tersebut. Apakah yang akan anda lakukan?	Pentaksiran tentang pembelajaran	Merekodkan gred ujian tersebut sebagai pentaksiran sumatif bagi unit tersebut tetapi menurunkan wajaran ujian tersebut dalam markah keseluruhan.	8	11.4
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Berdasarkan analisis anda terhadap ujian tersebut, anda akan mengajar semula tajuk yang sukar dikuasai oleh murid, beri peluang kepada murid untuk mengaplikasikan pembelajaran mereka, dan menguji semulatajuk tersebut.	45	64.3
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Minta murid untuk membuat refleksi tentang persediaan untuk menduduki ujian, menganalisis jawapan ujian murid dan membuat pelan pembelajaran individu kepada murid tersebut. Kemudian, uji semula topik tersebut.	17	24.3
Senario 2: Anda mendapati seorang murid anda melakukan plagiat atau meniru semasa melaksanakan tugas (contohnya karangan). Apakah yang akan anda lakukan?	Pentaksiran tentang pembelajaran	Melaksanakan peraturan sekolah berkaitan plagiat atau peniruan.	6	8.6
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Menunjukkan bahagian yang di plagiat kepada murid dan meminta mereka menulis semula dengan menggunakan perkataan sendiri. Sebagai guru, anda membuat refleksi tentang kaedah pengajaran yang anda perlu laksanakan pada masa hadapan.	43	61.4
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Anda bertanya murid tentang bagaimana dia memperolehi teks tersebut dan apakah yang murid tersebut akan lakukan agar tidak mengulangi kejadian itu. Minta murid menulis perancangan mereka untuk membuat semula tugas tersebut.	21	30.0
Senario 3: Anda sedang membuat rancangan pengajaran harian bagi satu topik. Bagaimana pentaksiran membentuk perancangan anda?	Pentaksiran tentang pembelajaran	Mulakan dengan pentaksiran sumatif di akhir pengajaran dan merancang secara <i>backward</i> untuk membina rancangan pengajaran.	11	15.7
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Mereka bentuk pentaksiran formatif yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Gunakan maklumat daripada pentaksiran ini untuk mereka bentuk aktiviti pengajaran dan tugas pentaksiran sumatif.	46	65.7
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Mengkaji semula standard prestasi dalam dokumen kurikulum dan meminta setiap pelajar untuk membina pengalaman pembelajaran dan pentaksiran mereka bagi topik tersebut secara individu.	13	18.6
Senario 4: Waris beberapa orang murid amat bimbang tentang	Pentaksiran tentang pembelajaran	Ujian setara penting bagi mengukur sejauh mana sistem persekolahan berkesan bagi semua murid dan keputusan tersebut membolehkan pihak	19	27.1

peperiksaan akhir tahun. Apakah yang anda akan beritahu kepada waris tersebut?		sekolah menentukan penambahbaikan yang perlu diberi kepada kelas tersebut.		
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Ujian setara dapat memberi maklum balas tentang pembelajaran berdasarkan standard pembelajaran dan dapat membimbing pengajaran dan pembelajaran.	32	45.7
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Ujian setara dapat memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan strategi pembelajaran, kemahiran persediaan untuk menghadapi ujian dan matlamat pembelajaran mereka.	19	27.1

Senario 1: Anda menyediakan set ujian yang berbeza mengikut tahap pencapaian murid. Walau bagaimanapun, 16 daripada 35 murid gagal dalam ujian tersebut. Apakah yang akan anda lakukan?

Analisis data bagi senario 1 menunjukkan 64.3% guru memilih pentaksiran untuk pembelajaran, 24.3% pentaksiran sebagai pembelajaran dan 11.4% pentaksiran tentang pembelajaran.

Senario 2: Anda mendapati seorang murid anda melakukan plagiat atau meniru semasa melaksanakan tugas (contohnya karangan). Apakah yang akan anda lakukan?

Hasil analisis data bagi senario 2 mendapati sebanyak 61.4% guru menyatakan bahawa pentaksiran untuk pembelajaran bagi menjawab senario tersebut. Manakala pentaksiran sebagai pembelajaran sebanyak 30.0% dan 8.6% bagi pentaksiran tentang pembelajaran.

Senario 3: Anda sedang membuat rancangan pengajaran harian bagi satu topik. Bagaimana pentaksiran membentuk perancangan anda?

Daripada data yang telah dianalisis menunjukkan bahawa 65.7% guru memilih pentaksiran untuk pembelajaran. Sementara itu, 18.6% dan 15.7% masing-masing bagi pentaksiran sebagai pembelajaran dan pentaksiran tentang pembelajaran.

Senario 4: Waris beberapa orang murid amat bimbang tentang peperiksaan akhir tahun. Apakah yang anda akan beritahu kepada waris tersebut?

Analisis yang dijalankan mendapati peratus pentaksiran untuk pembelajaran adalah sebanyak 45.7, manakala pentaksiran tentang pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran mencatat nilai yang sama iaitu 27.1.

Daripada data yang telah dianalisis ini dapat dirumuskan bahawa pentaksiran untuk pembelajaran mencatat peratus yang tertinggi bagi setiap senario. Manakala pendekatan pentaksiran sebagai pembelajaran menunjukkan peratus kedua tertinggi bagi senario 1, 2 dan 3. Pentaksiran tentang pembelajaran pula berada pada peratus ketiga tertinggi bagi senario 1, 2 dan 3. Manakala bagi senario 4, pentaksiran tentang pembelajaran dan sebagai pembelajaran mencatat nilai yang setara iaitu kedua tertinggi. Pemilihan pendekatan ini menunjukkan bahawa guru-guru memahami tujuan pelaksanaan PBD iaitu pentaksiran untuk pembelajaran dan sebagai pembelajaran yang perlu dilaksanakan secara berterusan disamping pentaksiran tentang pembelajaran yang dijalankan pada akhir sesuatu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran.

8.0 PERBINCANGAN

Hasil kajian ini menggambarkan kecenderungan guru terhadap pelaksanaan PBD. Pendekatan pentaksiran yang dipilih oleh guru-guru adalah secara majoritinya berbentuk pentaksiran formatif yang dilakukan secara berterusan. Hal ini menunjukkan bahawa para guru mempunyai kecenderungan pelaksanaan pentaksiran yang bertepatan dengan matlamat PBD seperti hasrat KPM. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Salleh, et al. (2019), yang menunjukkan guru-guru memilih pendekatan pentaksiran untuk pembelajaran iaitu pentaksiran secara formatif.

Berdasarkan Senario 1: Anda menyediakan set ujian yang berbeza mengikut tahap pencapaian murid. Walau bagaimanapun, 16 daripada 35 murid gagal dalam ujian tersebut. Apakah yang akan anda lakukan? Majoriti guru memilih pendekatan pentaksiran untuk pembelajaran (64.3%) iaitu “Berdasarkan analisis anda terhadap ujian tersebut, anda akan mengajar semula tajuk yang sukar dikuasai oleh murid, beri peluang kepada murid untuk mengaplikasikan pembelajaran mereka, dan menguji semula tajuk tersebut”. Hal ini selari dengan pandangan Stoten (2020) yang menyarankan guru memberi peluang kepada murid untuk mengurus pembelajaran bagi meningkatkan pencapaian individu secara heutagogi. Heutagogi adalah pendekatan pembelajaran yang menekankan pada pembelajaran sendiri dan pengembangan kapasiti pelajar untuk belajar secara mandiri. Pendekatan ini memfokuskan pada kemampuan pelajar untuk mengenal pasti keperluan pembelajaran mereka sendiri, menetapkan objektif pembelajaran, dan mencari sumber dan strategi yang sesuai untuk mencapai objektif tersebut (Stoten, 2020).

Hasil dapatan Senario 2: Anda mendapati seorang murid anda melakukan plagiat atau meniru semasa melaksanakan tugas (contohnya karangan). Apakah yang akan anda lakukan? Secara keseluruhannya guru-guru memilih pendekatan pentaksiran untuk pembelajaran iaitu “Menunjukkan bahagian yang diplagiat kepada murid dan meminta mereka menulis semula dengan menggunakan perkataan sendiri. Sebagai guru, anda membuat refleksi tentang kaedah pengajaran yang anda perlu laksanakan pada masa hadapan.” Dapatan kajian ini selari dengan kajian Salleh, et al. (2019), Mohd Nasir & Mansor (2021) dan Ab Hakim & Iksan (2018) di mana guru perlu sentiasa bersedia memperbaiki diri dan mengubah pendekatan pengajaran selari dengan perkembangan teknologi dan keperluan kerjaya semasa.

Dapatan kajian Senario 3: Anda sedang membuat rancangan pengajaran harian bagi satu topik. Bagaimana pentaksiran membentuk perancangan anda? Menunjukkan sebanyak 65.7% guru memilih pentaksiran untuk pembelajaran iaitu “Mereka bentuk pentaksiran formatif yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Gunakan maklumat daripada pentaksiran ini untuk mereka bentuk aktiviti pengajaran dan tugas pentaksiran sumatif.” Pendekatan pentaksiran dalam senario 3 ini sepadan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dimana perubahan pelaksanaan kurikulum semasa memerlukan pelaksanaan secara *backward design* dimana kepentingan pentaksiran secara formatif iaitu berterusan dilaksanakan dirancang terlebih dahulu selepas merungkai kurikulum. Semasa peringkat merancang lagi, keperluan guru menentukan instrumen, melaksana PdP dan mentaksir, merekod, menganalisis, mengambil tindakan susulan, dan melapor perlu dijalankan (KPM, 2018).

Berdasarkan Senario 4: Waris beberapa orang murid amat bimbang tentang peperiksaan akhir tahun. Apakah yang anda akan beritahu kepada waris tersebut? Pecahan guru yang memilih pentaksiran untuk pembelajaran iaitu “Ujian setara dapat memberi maklum balas tentang pembelajaran berdasarkan standard pembelajaran dan dapat membimbing pengajaran dan pembelajaran.” adalah yang tertinggi. Dapatan ini selari dengan kajian Martinez (2009) bahawa ketepatan maklumat penguasaan murid penting supaya guru dapat menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan murid terutama bagi murid yang masih tidak melepasi tahap penguasaan yang ditetapkan. Seterusnya guru bertanggungjawab mengenalpasti kebolehan

dan keupayaan kognitif murid bagi memudahkan mereka merancang instrumen pentaksiran yang sesuai. Berdasarkan Dixson & Worrell (2016), pentaksiran formatif secara terancang penting bagi menilai perkembangan pembelajaran semasa murid. Ini kerana potensi murid dapat dioptimumkan dan proses pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dapat diwujudkan apabila perancangan dibuat dengan baik.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa meskipun guru-guru telah didedahkan dengan konsep, prinsip dan fakta yang sama berkaitan PBD, namun kecenderungan memilih pentaksiran bagi setiap guru adalah berbeza walaupun bukan secara majoritinya. Hal ini selari dengan kajian oleh Salleh et, al (2019), Bennet (2011) dan DeLuca & Klinger (2010) yang mendapati bahawa guru-guru menghadapi cabaran dalam mengintegrasikan pendekatan pentaksiran. Ini menunjukkan bahawa guru menghadapi kekangan dalam pengurusan masa, rutin, pengetahuan dan kemahiran, saiz kelas dan sumber pembelajaran. Ini sepadan dengan dapatan kajian Kimberly (2018) yang mengatakan kekangan yang dominan dalam pengendalian pentaksiran bilik darjah ialah kekangan masa, rutin, saiz kelas, sumber pembelajaran, kemahiran, sikap, tidak pasti, tidak yakin dan persepsi rendah. Ia juga selari dengan dapatan kajian Saad (2016); Dennis (2016); dan Elaine dan Furniss (2016). Seterusnya, ia selari dengan kajian Aklilu (2017) yang menegaskan kekangan juga disebabkan oleh input yang terhad dan kurangnya kemudahan untuk guru dan murid, kekurangan minat murid dan kemahiran terhadap para guru, kurang sokongan pentadbir dan saiz kelas yang besar. Cabaran dilihat bagi memberi keseragaman kefahaman terhadap konsep PBD dan pendekatan yang harus dipilih bagi menjadikan setiap pentaksiran itu telus dan mempunyai ketekalan yang tinggi.

Pemilihan jenis pentaksiran dalam PBD memberi kesan kepada kualiti PBD. Jenis pentaksiran yang dipilih boleh mempengaruhi bagaimana guru mengukur pencapaian dan kemajuan murid, serta bagaimana murid belajar dan berkembang. Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa pemilihan jenis PBD mempunyai impak yang signifikan terhadap kualiti pentaksiran dan pembelajaran murid. Berdasarkan kajian Double et al. (2020) penilaian rakan sebaya boleh meningkatkan prestasi akademik dengan melibatkan murid dalam proses penilaian, meningkatkan pemahaman mereka terhadap kriteria penilaian, dan memperbaiki kemahiran penilaian diri. Pelaksanaan penilaian rakan sebaya secara dalam talian juga semakin popular dan terbukti efektif dalam mengurangkan beban logistik dan meningkatkan kualiti maklum balas yang diberikan. Keberkesanan mana-mana jenis pentaksiran bergantung kepada kesedaran dan literasi penilaian guru. Guru perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran yang komprehensif dalam merancang, melaksanakan, dan mentafsirkan penilaian untuk memastikan ia menyokong pembelajaran murid dengan berkesan. Peningkatan literasi penilaian guru adalah penting untuk pelaksanaan apa-apa pendekatan penilaian yang berjaya.

9.0 RUMUSAN

Daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa setiap guru mempunyai kecenderungan yang berbeza dalam melaksanakan proses PBD. Walaubagaimanapun, guru-guru perlu memahami tujuan pentaksiran tersebut dan harus menepati standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi yang telah digariskan dalam DSKP. Pentaksiran yang dapat dijalankan dengan telus dan tekal oleh setiap guru dapat memberi impak yang besar kepada murid. Berdasarkan pentaksiran, potensi murid boleh dioptimumkan dan seterusnya sekolah berkualiti dapat dijelmakan. Guru-guru memainkan peranan penting dapat meningkatkan kompetensi pentaksiran mereka dan semestinya perlu sentiasa meningkatkan profesionalisme keguruan agar pendidikan yang bermakna dapat dilaksanakan pada setiap proses PdP dengan mengambilkira semua aspek terutamanya proses PBD. Pemilihan jenis pentaksiran dalam PBD

memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti pentaksiran dan keberkesanan pembelajaran murid. Pendekatan seperti *project-based learning* (PBL) dan penilaian rakan sebaya menawarkan banyak manfaat, tetapi kejayaan mereka bergantung kepada literasi penilaian guru dan keselarasan penilaian dengan standard kurikulum dan objektif pembelajaran. Oleh itu, penggunaan kombinasi pelbagai jenis pentaksiran dengan alat sokongan yang sesuai dapat meningkatkan kualiti PBD dan pembelajaran murid secara keseluruhan. Pemilihan jenis pentaksiran yang sesuai dalam PBD mempunyai kesan yang signifikan terhadap kualiti pembelajaran murid dan amalan pengajaran guru. Pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran cenderung memberikan maklum balas yang berterusan dan konstruktif, yang dapat meningkatkan pembelajaran berterusan dan kesedaran diri murid. Sebaliknya, pentaksiran tentang pembelajaran lebih fokus kepada penilaian akhir pencapaian murid tetapi mungkin tidak memberikan maklum balas yang mencukupi untuk pembelajaran berterusan.

RUJUKAN

- Ab Hakim, N. A. & Iksan, Z. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam mata pelajaran Sains. Seminar Antarabangsa IsuIsu Pendidikan (ISPEN 2018), pp, 72-82.
- Aklilu, A. (2017), The Impact of Continuous Assessment on Students Academic Achievement in Physics: In Slamber Secondary and Preparatory School in Kucha Woreda: Gamo Gofa Zone: SNNPR: Ethiopia.
- Bennett, R. E. (2011). Formative assessment: A critical review. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 18(1), 5–25. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2010.513678>.
- DeLuca, C., & Klinger, D. A. (2010). Assessment literacy development: Identifying gaps in teacher candidates' learning. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 17(4), 419–438.
- DeLuca, C., LaPointe-McEwan, D., & Luhanga, U. (2016). Teacher assessment literacy: A review of international standards and measures. *Educational Assessment, Evaluation and Accountability*, 28, 251–272.
- DeLuca, C., Chapman-Chin, A. E., & Klinger, D. A. (2019). Understanding the (Mis) Alignment Between Teacher Preparation and Classroom Assessment. *Studies in Educational Evaluation*, 61, 112-122.
- Dennis, A. A. (2016). Development and application of a teacher assessment for learning (AfL) literacy tool. Thesis Ph.D. Australia: University of New South Wales. <https://unsworks.unsw.edu.au/datastream/>.
- Dixon, D. D., & Worrell, F. C. (2016). Formative and summative assessment in the classroom. *Theory Into Practice*, 55(2), 153-159. <https://doi.org/10.1080/00405841.2016.1148989>
- Double, K.S., McGrane, J.A. & Hopfenbeck, T.N. (2020). The Impact of Peer Assessment on Academic Performance: A Meta-analysis of Control Group Studies. *Educ Psychol Rev* 32, 481–509. <https://doi.org/10.1007/s10648-019-09510-3>

- Elaine & Furnise. (2016) Assessing learning achievement. New York. UNICEF.
<https://google.com/search>
- Harrison, C., & Killion, J. (2018). Assessing Teachers' Assessment Practices: Implications for Professional Development. *Professional Development in Education*, 44(2), 191-203.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Panduan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi ke-2*. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/pentaksiran-berasaskan-sekolah/5505-panduan-pelaksanaan-pentaksiran-bilik-darjah-edisi-2-2019/file>
- Kimberli, T. (2018). Teacher experiences with formative assessments: A narrative Analysis. Thesis Ph.D., Massachusetts, USA: Northern University Boston.
- Looney, J. W., Cumming, J., Van Der Kleij, F., & Harris, K. (2018). Reconceptualising the role of teachers as assessors: Teacher assessment identity. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25(5), 467-487.
- Martinez, M. (2009). *Learning and cognition: The design of the mind*. Pearson Education.
- Mohd Nasir, N. & Mansor, M. (2021). Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 416-421.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.854>
- Saad, F. A. D. (2016). Washback of continuous assessment in EFLclassroomi Saudi Arabia: Teachers' perceptions and practices. Ph.D. Thesis.Kuala Lumpur: UKM.142
- Said, M. M., Haron, Z., & Surat, S. (2019). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen literasi pentaskiran bilik darjah melalui Model Pengukuran Rasch. In *Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan (ISPEN2018)*.
- Salleh, M., Sarkowi, A., Jafar, M. F., Mohd Arif, Z. & Abd Hamid, H. (2019). *Tahap Literasi Guru Terhadap Pendekatan Dalam Pentaksiran Bilik Darjah*. Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan 2019, 12-24.
- Stoten, D. W. (2020). Practical heutagogy: Promoting personalized learning in management education. *Adult Learning*, 31(4), 161-174.